

05 AUG 2001

Azhar-Fitnah

JANGAN PEDULI FITNAH DI INTERNET, KATA AZHAR

LANGKAWI, 5 Ogos (Bernama) -- Pelayar negara Datuk Azhar Mansor berkata beliau hanya memberi perhatian terhadap program berkongsi pengalamannya dengan remaja dan tidak mempedulikan fitnah yang memburuk-burukkan peribadinya di Internet.

"Kalau saya layan, pergerakan saya menjadi terbatas", katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Katanya beliau tidak memberi perhatian kepada fitnah terhadapnya di Internet dan mengisi kehidupannya dengan mengadakan ceramah motivasi selain meneruskan perniagaan kecil-kecilan yang terhenti sejak beliau memulakan persiapannya untuk belayar mengelilingi dunia.

"Saya kini menumpukan perhatian kepada kerjaya dan tanggungjawab saya kepada generasi muda", katanya ketika diminta mengulas mengenai khabar angin dan fitnah di Internet yang banyak menyentuh peribadinya selepas beliau mencatatkan rekod sebagai rakyat Malaysia pertama mengelilingi dunia secara solo.

Azhar telah memulakan pelayarannya pada 2 Feb 1999 dan belayar sejauh lebih 25,000 batu nautika dan tiba di sini pada 11 Ogos.

Katanya beliau hanya memberi perhatian terhadap program motivasi untuk pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi bagi menjana semangat dan pemikiran anak bangsa untuk mencapai kecemerlangan dalam apa jua bidang yang mereka ceburi.

Fitnah dan khabar angin itu yang mula tersebar sejak tahun lepas banyak menyentuh peribadinya selain mengenai misi di sebalik pelayarannya mengelilingi dunia.

"Allah Maha Besar, dia nak tunjuk kepada orang-orang tertentu bahawa saya benar-benar belayar apabila tiang kapal layar Jalur Gemilang patah tiga dalam ribut besar semasa di Lautan Selatan dekat Cape Horn menyebabkan saya terpaksa berhenti di Kepulauan Falklands", katanya.

Azhar berkata beliau jarang melayari Internet dan apabila ingin mendapat cerita sebenar beliau mendapati banyak cerita fitnah yang disebarkan.

Katanya walaupun telah lama beliau tidak melayari Internet tetapi menurut teman rapatnya pelbagai fitnah dan khabar angin masih terus tersebar.

Azhar dijangka mengadakan sambutan sederhana ulangtahun kedua kepulauan kapal layar Jalur Gemilang di Awana Porto Malai Sabtu depan dengan menghimpunkan lebih 100 pelajar termasuk penghuni Pusat Perkembangan Kanak-kanak Istimewa Langkawi.

-- BERNAMA

NH RHM